

Cukai anda, masa depan kita: Menyumbang masa depan lebih makmur

Article Details

Date	18 Nov 2024	Ad Value	MYR 33,542
Media	Berita Harian	PR Value	MYR 100,627
Journalist	N/A	Spokespersons	-
Sentiment	Neutral	Topic	Tax
Page Number	7		
Article Color	Colour		

Cukai anda, masa depan kita: Menyumbang masa depan lebih makmur

HASiL laksana pelbagai inisiatif mesra rakyat, perniagaan

Malaysia sebagai negara demokrasi, Malaysia memerlukan dana yang mencukupi untuk menyokong pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, keselamatan dan infrastruktur.

Hasil daripada kutipan cukai digunakan untuk membiayai projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat.

Melalui cukai, kerajaan dapat menyediakan kemudahan awam seperti jalan raya, hospital, sekolah dan kemudahan asas yang lain. Dalam konteks ini, setiap sumbangan pembayar cukai adalah pelaburan masa depan negara.

Cukai juga membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai program sosial untuk membantu golongan kurang bernasib baik, termasuk bantuan kewangan dan pelbagai jenis bantuan lain. Semua ini bergantung pada ketekunan rakyat dalam memenuhi tanggungjawab cukai mereka.

Pentingnya kepatuhan cukai

Kepatuhan cukai adalah tunjang utama kepada kejayaan sistem percukaian negara. Sebagai pembayar cukai, setiap individu dan perniagaan mempunyai kewajiban melaporkan pendapatan mereka dengan tepat dan membayar jumlah cukai yang betul.

Kegagalan berbuat demikian bukan sahaja mengundang akibat undang-undang tetapi juga menghalang kerajaan daripada memperoleh dana yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Namun, kepatuhan cukai tidak bermaksud hanya menunaikan kewajiban sahaja. Ia juga merangkumi kejujuran dalam melaporkan pendapatan dan perbelanjaan serta penghindaran daripada amalan pengelakan cukai atau penipuan cukai.

Tindakan ini bukan hanya melanggar undang-undang, tetapi juga merosakkan asas kepercayaan dalam sistem percukaian negara.

Kempen dan inisiatif HASiL: Tingkatkan kesedaran cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) berperanan penting memastikan sistem percukaian negara berfungsi dengan baik.

Sebagai agensi yang bertanggungjawab mengutip cukai, HASiL sentiasa berusaha untuk memudahkan proses pematuhan cukai dengan pelbagai inisiatif yang mesra rakyat dan perniagaan.

Antara langkah diambil adalah mempermudah proses pelaporan pendapatan dan pembayaran cukai melalui e-Perkhidmatan yang diwajibkan penggunaan sepenuhnya mulai 1 Januari 2024 menerusi Portal MyTax (<https://mytax.hasil.gov.my/>) serta mengadakan kempen kesedaran cukai untuk mendidik masyarakat, pentingnya cukai dalam pembangunan negara.

HASiL sentiasa komited dalam meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela melalui pendekatan Kesedaran, Pendidikan dan Perkhidmatan (A.E.S.). Pelbagai strategi dirancang untuk mendekati kumpulan sasaran, termasuk bakal pembayar cukai, pembayar cukai sedia ada serta mereka yang masih belum berada dalam jaringan cukai.

Fokus utama kini diberikan kepada generasi muda yang semakin aktif dengan perniagaan dalam talian dan media sosial.

Melalui Jabatan Khidmat Korporat, HASiL melaksanakan program pendidikan seperti HASiL Your Tax Buddy dan Program Sahabat HASiL, khusus

e-Invois: MEMUDAH CARA, MENINGKATKAN PEMATUHAN CUKAI DAN MEMASTIKAN KETELUSAN URUS NIAGA



Mengurangkan proses manual dan kesilapan
Pemprosesan invois bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi & data secara elektronik



Memudahkan pengemukaan borang nyata
Pelaporan percukaian yang cekap dan tepat melauai integrasi sistem yang lancar



Meningkatkan kecekapan operasi
Pemeriksaan kecekapan serta pengoperasian serta menjimatkan masa dan kos



Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan
Penyelarasan proses digitalisasi dan pelaporan kewangan berdasarkan piawaian industri

buat pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Selain itu, HASiL juga menganjurkan seminar dan bengkel di seluruh negara, dengan kerjasama profesional cukai dan pelbagai agensi seperti Institut Percukaian Malaysia (CTIM), Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd (EY), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan lain-lain.

Kerjasama ini bertujuan memastikan maklumat yang disampaikan komprehensif dan tepat.

Program HASiL Your Tax Buddy (HYTB) ini dijangka dapat membantu bakal pembayar cukai memahami perundangan percukaian di samping meningkatkan pematuhan cukai pada masa akan datang.

Digitalisasi dalam sistem percukaian: e-Invois dan transformasi teknologi

Dalam era digital ini, HASiL juga memimpin perubahan dengan mengintegrasikan teknologi dalam sistem percukaian. Salah satu inisiatif signifikan adalah pelaksanaan e-Invois, yang bertujuan untuk meningkatkan ketelusan, keberkesanan dan kecekapan dalam kutipan cukai.

Dengan e-Invois, transaksi perniagaan dapat direkodkan secara digital, sekali gus mengurangkan risiko pengelakan cukai dan memastikan cukai yang dipungut adalah tepat.

Transformasi digital juga membolehkan rakyat dan perniagaan mengakses maklumat cukai dengan lebih mudah, serta menguruskan tanggungjawab

cukai mereka secara dalam talian. Ini akan menjadikan proses pematuhan cukai lebih mudah.

e-Invois: Memudah cara, meningkatkan pematuhan cukai dan memastikan ketelusan urus niaga.

Masa depan negara dan peranan pembayar cukai

Masa depan negara sangat bergantung kepada komitmen semua pihak untuk memenuhi kewajiban cukai mereka. Dalam menghadapi cabaran global dan tempatan, Malaysia memerlukan asas kewangan yang kukuh untuk terus berkembang.

Keuntungan daripada kutipan cukai bukan hanya untuk membiayai projek pembangunan, tetapi juga menyediakan peluang yang lebih baik kepada generasi akan datang.

Marilah kita semua memainkan peranan masing-masing dengan membayar cukai tepat pada masanya dan dengan penuh tanggungjawab.

Ingatlah, cukai anda adalah masa depan kita dan melalui setiap pembayaran cukai, kita membina asas kukuh untuk kemajuan negara Malaysia yang lebih gemilang.

Sebelum 2024 melabuhkan tirainya, ayuh kita selesaikan tunggakan cukai dan memanfaatkan pelepasan serta rebat cukai yang ada untuk tahun ini kerana ia boleh membantu anda menjimatkan bayaran cukai pada tahun hadapan.

Laksanakan tanggungjawab anda sebagai pembayar cukai kerana Cukai Anda, Masa Depan Kita! Layari www.hasil.gov.my untuk maklumat lanjut.



Program HASiL Your Tax Buddy (HYTB) ini dijangka dapat membantu bakal pembayar cukai memahami perundangan percukaian di samping meningkatkan pematuhan cukai pada masa akan datang.

Malaysia sebagai negara demokrasi, Malaysia memerlukan dana yang mencukupi untuk menyokong pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, keselamatan dan infrastruktur. Hasil daripada kutipan cukai digunakan untuk membiayai projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Melalui cukai, kerajaan dapat menyediakan kemudahan awam seperti jalan raya, hospital, sekolah dan kemudahan asas yang lain. Dalam konteks ini, setiap sumbangan pembayar cukai adalah pelaburan masa depan negara. Cukai juga membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai program sosial untuk membantu golongan kurang bernasib baik, termasuk bantuan kewangan dan pelbagai jenis bantuan lain. Semua ini bergantung pada ketekunan rakyat dalam memenuhi tanggungjawab cukai mereka. tntingnya kepatuhan c Kepatuhan cukai adalah tunjang utama kepada kejayaan sistem percukaian negara. Sebagai pembayar cukai, setiap individu dan perniagaan mempunyai kewajiban melaporkan pendapatan mereka dengan tepat dan membayar jumlah cukai yang betul. Kegagalan berbuat demikian bukan sahaja mengundang akibat undang-undang tetapi juga menghalang kerajaan daripada memperoleh dana yang diperlukan untuk pembangunan negara. Namun, kepatuhan cukai tidak bermaksud hanya menunaikan kewajiban sahaja. Ia juga merangkumi kejujuran dalam melaporkan pendapatan dan perbelanjaan serta penghindaran daripada amalan pengelakan cukai atau penipuan cukai. Tindakan ini bukan hanya

melanggar undang-undang, tetapi juga merosakkan asas kepercayaan dalam sistem percukaian negara.

■MHWMMautaiMHaMMMMi Lempen dan inisiatif HASiL: Tingkatkan kesedaran cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) berperanan penting memastikan sistem percukaian negara bertungsi dengan baik. Sebagai agensi yang bertanggungjawab mengutip cukai, HA-SiL sentiasa berusaha untuk memudahkan proses pematulian cukai dengan pelbagai inisiatif yang mesra rakyat dan perniagaan. Antara langkah diambil adalah mempermudah proses pelaporan pendapatan dan pembayaran cukai melalui e-Perkhidniatan yang diwajibkan penggunaan sepenuhnya mulai 1 Januari 2024 menerusi Portal MyTax (<https://mytax.hasil.gov.my/>) serta mengadakan kempen kesedaran cukai untuk mendidik masyarakat, pentingnya cukai dalam pembangunan negara. HASiL sentiasa komited dalam meningkatkan pematulian cukai secara sukarela melalui pendekatan Kesedaran, Pendidikan dan Perkhidmatan (A.E.S). Pelbagai strategi dirangka untuk mendekati kumpulan sasaran, termasuk bakal pembayar cukai, pembayar cukai sedia ada serta mereka yang masih belum berada dalam jaringan cukai. Fokus utama kini diberikan kepada generasi muda yang semakin aktif dengan perniagaan dalam talian dan media sosial. Melalui Jabatan Khidmat Korporat, HASiL melaksanakan program pendidikan seperti HA-SiL Your Tax Buddy dan Program Sahabat HASiL, khusus buat pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Selain itu, HASiL juga menganjurkan seminar dan bengkel di seluruh negara, dengan kerjasama profesional cukai dan pelbagai agensi seperti Institut Percukaian Malaysia (CTIM), Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd (EY), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan lain-lain. Kerjasama ini bertujuan memastikan maklumat yang disampaikan komprehensif dan tepat. Program HASiL Your Tax Buddy (HYTB) ini dijangka dapat membantu bakal pembayar cukai memahami perundangan percukaian di samping meningkatkan pematuhan cukai pada masa akan datang.

igitalisasi dalam sistem >ercukaian: e-Invois dan 3 ransformasi teknologi L Dalam era digital ini, HASiL juga memimpin perubahan dengan mengintegrasikan teknologi dalam sistem percukaian. Salah satu inisiatif signitikan adalah pelaksanaan e-Invois, yang bertujuan untuk meningkatkan ketelusan, keberkesanan dan kecekapan dalam kutipan cukai. Dengan e-Invois, transaksi perniagaan dapat direkodkan secara digital, sekali gus mengurangkan risiko pengelakan cukai dan memastikan cukai yang dipungut adalah tepat. Transformasi digital juga membolehkan rakyat dan perniagaan mengakses maklumat cukai dengan lebih mudah, serta menguruskan tanggungjawab cukai mereka secara dalam talian. Ini akan menjadikan proses pematuhan cukai lebili mudah.

e-Invois: Memudah cara, meningkatkan pematuhan cukai dan memastikan ketelusan urus niaga. iMasa depan negara dan >eranan pembayar cukai Masa depan negara sangat bergantung kepada komitmen semua pihak untuk memenuhi kewajipan cukai mereka. Dalam menghadapi cabaran global dan tempatan, Malaysia memerlukan asas kewangan yang kukuli untuk terus berkembang. Keuntungan daripada kutipan cukai bukan hanya untuk membiayai projek pembangunan, tetapi juga menyediakan peluang yang lebih baik kepada generasi akan datang. Marilah kita semua memainkan peranan masing-masing dengan membayar cukai tepat pada masanya dan dengan penuli tanggungjawab. Ingatlah, cukai anda adalah masa depan kita dan melalui setiap pembayaran cukai, kita membina asas kukuh untuk kemajuan negara Malaysia yang lebih gemilang. Sebelum 2024 melabuhkan tirainya, ayuh kita selesaikan tunggakan cukai dan memanfaatkan pelepasan serta rebat cukai yang ada untuk tahun ini kerana ia boleh membantu anda menjimatkan bayaran cukai pada tahun hadapan. Laksanakan tanggungjawab anda sebagai pembayar cukai kerana Cukai Anda, Masa Depan Kita! Layari www.hasil.gov.my untuk maklumat lanjut.

e-Invois: MEMUDAH CARA, MENINGKATKAN PEMATUHAN CUKAI DAN MEMASTIKAN KETELUSAN URUS NIAGA Mengurangkan proses manual dan kesilapan Pemprosesan invois bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi & data secara elektronik Memudahkan pengemukaan borang nyata Pelaporan percukaian yang cekap dan tepat melaui integrasi sistem yang lancar Meningkatkan kecekapan operasi Pemerkasaan kecekapan serta pengoperasian serta menjimatkan masa dan kos Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan Penyelarasan proses digitalisasi dan pelaporan kewangan berdasarkan piawaian industri